



## KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

### CADANGAN PEMBINAAN EMPAT (4) UNIT KIOS DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PRESINT 2, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA NO. TENDER : PPJ/T/JPB/45/2023

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)</p> <p>Gred : G4</p> <p>Kategori : CE dan B</p> <p>Pengkhususan : CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)</p> <p>Dan</p> <p>B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan)</p> <p>Dan</p> <p>Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera</p>	<p>2 November 2023 (Khamis)</p> <p>10.00 pagi</p> <p>Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>2 November 2023 (Khamis)</p> <p>sehingga</p> <p>16 November 2023 (Khamis)</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia RM 100.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tunai / Deraf Bank</p> <p>Perbadanan Putrajaya</p>	<p>23 November 2023 (Khamis)</p> <p>12.00 tengah hari</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana tajuk projek.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **2 November 2023 (Khamis), 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran PPK, Sijil SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, Sijil STB dan Cap Syarikat**.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil SPKK **dan satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran PPK, Sijil SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan Sijil STB**.
7. Tender ini akan ditutup pada **23 November 2023** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di kaunter jualan dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.